

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

SOALAN NO. 151

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pemansuhan kelas peralihan di sekolah menengah. Ini adalah kerana kelas peralihan tersebut tidak berfungsi sepenuhnya. Untuk pengetahuan Kementerian, sekiranya pelajar dimasukkan ke kelas peralihan maka mereka akan berumur 18 tahun semasa menduduki peperiksaan SPM. Ini akan menimbulkan masalah pencalonan untuk menjadi pengundi. Saya memohon Kementerian untuk mengkaji balik perkara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kelas Peralihan (KP) telah mula diperkenalkan semenjak tahun 1960 melalui Laporan Rahman Talib yang kemudiannya telah diperakukan melalui Akta Pendidikan 1961. Pada masa kini, kuasa Menteri Pendidikan untuk mengadakan KP termaktub dalam Seksyen 32 Akta Pendidikan 1996. Matlamat pelaksanaan KP ialah supaya murid lepasan SJKC dan SJKT menguasai proses peralihan bahasa pengantar daripada bahasa ibunda di sekolah rendah kepada bahasa Melayu (BM) di sekolah menengah. Surat Siaran KPM Bilangan 8 Tahun 2017 Kemasukan Murid SJKC dan SJKT ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tanpa Melalui Kelas Peralihan Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2018 menetapkan murid SJKC dan SJKT yang lulus sekurang-kurangnya Gred D bagi Kertas Bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) layak untuk memasuki

NO. SOALAN : 151

Tingkatan 1 tanpa melalui KP. Namun, murid SJKC dan SJKT yang tidak menepati syarat tersebut perlu mengikuti KP selama setahun di sekolah menengah sebelum meneruskan pelajaran ke Tingkatan 1. Berdasarkan data pada 30 September 2019, terdapat 12,763 murid peralihan di 800 buah kelas/sekolah.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui Inisiatif Perkukuhan Kelas Peralihan, menumpukan usaha bagi membolehkan setiap murid KP menguasai asas bahasa Melayu (BM) dengan baik bagi menjamin kecemerlangan pendidikan mereka di peringkat yang lebih tinggi. Keberhasilan murid KP bukan sahaja diukur dari segi penguasaan BM yang baik, malah murid juga berupaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka. Perkara berkaitan KP juga turut dibincangkan dalam Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pendidikan KPM tahun 2019.